

LIPUTAN BERITA TENTANG INDONESIA DI MALAYSIA: ANALISIS KANDUNGAN *UTUSAN MALAYSIA* DAN *BERITA HARIAN*

VILASHINI SOMIAH, AZIZAH HAMZAH, MOHD YAHYA MOHAMED
ARIFFIN & AZLIANA ABDUL AZIZ

ABSTRACT

The mass media, specifically Malaysian newspaper dailies have been known to widely report foreign news, allocating sufficient space within their paper to cover important issues from neighbouring countries. This research gives focus to Indonesian news reports that have been published in the foreign news section. Content analysis was utilised in studying the content of Indonesian news written in Bahasa Malaysia found in *Utusan Malaysia* and *Berita Harian*. In-depth interviews with representatives from both these newspapers were also conducted to further strengthen this research. Findings show that both these newspapers publish political, socio-cultural and crime based news on Indonesia. Both newspapers have subscribed to foreign and international news agencies.

Keywords: *foreign news, Bahasa Malaysia press, Indonesian news agencies*

PENGENALAN

Akhbar diakui sebagai pengantara utama dalam komunikasi massa dan memberi maklumat kepada orang ramai tentang pelbagai perkembangan yang berlaku setiap hari. Malah media massa ini merupakan sumber utama maklumat bagi kebanyakan orang (Harriss, Leiter & Johnson 1989). Peranan akhbar harian masa kini di Malaysia tidak sahaja menyalurkan pelbagai isu yang berlaku dalam negara, malah telah menjangkau sempadan geografi dengan menyiarkan banyak berita luar negara setiap hari. Menjadi kelaziman akhbar-akhbar ini memperuntukkan beberapa halaman khusus untuk berita-berita yang melibatkan pelbagai isu yang berlaku di luar negara termasuk negara jiran, khasnya Indonesia.

Penyiaran berita mengenai Indonesia dalam akhbar-akhbar harian Malaysia mungkin disebabkan oleh persamaan yang wujud antara kedua-dua buah negara dari segi geopolitik, sosial dan budaya serumpun. Dari satu segi, penyiaran berita-berita mengenai pelbagai isu yang berlaku di negara tersebut dalam akhbar-akhbar harian tempatan khususnya berbahasa Melayu mungkin juga bertujuan menarik

minat warga Indonesia yang bekerja dan menetap di negara ini untuk membacanya. Berdasarkan senario di atas maka adalah menarik untuk dibuat kajian mengenai wujudnya bahan-bahan berita Indonesia seperti yang dipaparkan dalam akhbar-akhbar harian negara ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merupakan satu analisis awal untuk meneliti dua akhbar harian di Malaysia yang memberi ruang kepada berita-berita tentang Indonesia. Kajian ini memberi fokus kepada laporan berita berkenaan Indonesia yang disiarkan dalam akhbar-akhbar harian tempatan dalam tempoh kajian, iaitu sepanjang bulan Julai 2009. Selain itu, makalah ini bertujuan mengkaji kecenderungan akhbar tempatan menggunakan sumber agensi berita antarabangsa untuk mendapatkan berita tentang Indonesia. Kajian ini penting untuk melihat peranan yang dimainkan oleh akhbar-akhbar Melayu tempatan dalam memaparkan peristiwa yang berlaku di negara rumpun Melayu, Indonesia untuk tatapan pembaca di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sekiranya teori *Agenda Setting* (Penentuan Agenda) mempunyai apa-apa kaitan dengan pemaparan berita-berita Indonesia.

Pilihan untuk meneliti berita-berita berkaitan Indonesia pada kedua-dua akhbar arus perdana berbahasa Malaysia ini dilakukan atas beberapa faktor. Pertama, berdasarkan faktor geopolitik serta kehampiran budaya (*cultural proximity*) Indonesia akan melangsungkan pilihan raya umumnya pada bulan itu. Pertandingan sengit antara Susilo Bambang Yudhoyono dengan Megawati Sukarno Putri telah menarik minat seluruh dunia termasuk pengkaji. Isu sosial yang melibatkan penderaan pembantu rumah Indonesia oleh majikan Malaysia juga terpapar luas dalam akhbar-akhbar tempatan, menjadikannya isu yang kedua menarik untuk dikaji.

Selain itu, pada pertengahan bulan Julai 2009, pengeboman dua hotel milik Amerika Syarikat, Hotel Ritz-Carlton, dan JW Marriott oleh ahli-ahli kumpulan ekstremis di Jakarta, telah menjadikan berita Indonesia sangat popular seperti yang dipaparkan dalam media massa di Malaysia.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah analisis kandungan dilaksanakan untuk mengkaji berita-berita yang terkandung dalam akhbar berbahasa Melayu, iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* tentang pelbagai isu yang berlaku di negara Indonesia. Kedua-dua akhbar dikumpul sebagai sumber kajian berdasarkan tempoh yang dipilih, iaitu sepanjang bulan Julai 2009. Berita-berita ini dianalisis untuk memperlihatkan pelbagai butiran tentang kandungannya. Hasil penelitian daripada analisis kandungan dimasukkan ke dalam jadual dan rajah dalam bentuk angka dan peratusan. Berdasarkan angka dan peratusan inilah suatu huraian deskriptif dibuat untuk mengkaji bentuk laporan tentang Indonesia dalam kedua-dua akhbar berbahasa Melayu ini. Selain itu, wawancara mendalam ke atas wakil kedua-dua akhbar dijalankan bagi mendapatkan pandangan mengenai isu ini.

KAJIAN TERDAHULU

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa liputan berita tentang negara lain memang merupakan item penting dalam akhbar-akhbar tempatan. Berita-berita ini terdiri daripada pelbagai isu khususnya politik, hubungan antarabangsa, bisnes dan sukan. Banyak berita negara maju mengalir ke negara sedang membangun menggunakan sumber berita agensi berita antarabangsa. Malah pengaliran berita dari sebuah negara sedang membangun ke sebuah negara membangun lain telah menjadi satu amalan masa kini. Riffe dan Shaw (1982) dalam kajian mereka mendapati bahawa sebahagian besar liputan tentang berita dunia ketiga di dalam akhbar *The New York Times* dan *The Chicago Tribune* dalam tempoh 10 tahun banyak mengandungi berita tentang politik dalaman dan hubungan antarabangsa. Sementara Stevenson dan Cole (1984) dalam kajian bertajuk *Patterns of Foreign News* mengkaji data-data berita antarabangsa di 17 buah negara. Didapati berita-berita politik merupakan penyumbang terbesar, iaitu antara 25% hingga 50% kepada berita-berita antarabangsa di dalam akhbar-akhbar negara-negara yang dikaji itu. Isu ekonomi dan ketenteraan meliputi 10% daripada jumlah liputan berita-berita antarabangsa.

Cho dan Lacy (1999) telah mengkaji tentang pengaliran berita antarabangsa di akhbar-akhbar harian tempatan di Jepun. Kategori berita sukan dalam kajian ini meliputi kejohanan sukan antarabangsa, acara-acara sukan dan kumpulan atau pasukan sukan. Kajian ini mendapati sebanyak 17.4% berita-berita yang disiarkan merupakan berita-berita sukan antarabangsa. Selebihnya ialah berita berkaitan sosial (47.12%), politik (21.37%) dan ekonomi (13.07%). Kajian juga menunjukkan akhbar-akhbar yang diterbitkan di sebelah pagi lebih banyak menyiarkan berita-berita sukan antarabangsa, iaitu 21.2% berbanding akhbar-akhbar terbitan di sebelah petang iaitu hanya 11.8%. Secara keseluruhan, kajian mereka mendapati 7% ruangan dalam 48 akhbar harian tempatan di Jepun memuatkan berita-berita antarabangsa dalam tempoh enam bulan kajian dijalankan.

Lester dan Miller (1995) membuat kajian analisis kandungan terhadap empat akhbar utama di Amerika Syarikat iaitu *The New York Times*, *Chicago Tribune*, *New Orleans Times-Picayune*, dan *San Francisco Chronicle* mengenai liputan foto mengenai rakyat Amerika keturunan Afrika. Kajian mendapati terdapat peningkatan komunikasi visual terhadap masyarakat ini di akhbar-akhbar tersebut. Secara keseluruhan, peratus foto mengenai masyarakat ini melebihi 11.3%, iaitu hampir sama dengan peratusan jumlah masyarakat ini di Amerika. Walau bagaimanapun, peratusan foto yang tinggi tidak memberi kelebihan kepada masyarakat ini kerana foto yang ditonjolkan adalah berkaitan jenayah, sukan dan hiburan.

Kajian Shukor Khalil (2000) menunjukkan terdapat tujuh agensi berita antarabangsa yang dijadikan sebagai sumber berita tentang dunia Islam oleh akhbar-akhbar Indonesia, iaitu Associated Press (AP), United Press International (UPI), Agense France Presse (AFP), Reuters, International Islamic Agencies (IINA), DPA (Jerman), dan Agensi Berita Antara (Indonesia). Agensi berita yang paling banyak dijadikan sebagai sumber berita tentang dunia Islam oleh akhbar-akhbar Indonesia ialah AFP, iaitu 26.82%, diikuti Reuters (17.0 %) dan gabungan Antara dan Reuters (12.19%). Akhbar *The Jakarta Post*, *Republika*, *Waspada*, dan *Analisa* banyak menyiarkan berita tentang dunia Islam yang dipetik daripada agensi-agensi berita antarabangsa ini. Berdasarkan kajian, *The Jakarta Post* menyiarkan sebanyak 29.26% berita tentang dunia Islam, diikuti *Waspada* (24.39%), *Analisa* (24.39%), dan *Republika* (21.95%).

Kajian bertajuk Pengaliran Berita Antarabangsa: Kes Malaysia (1989) menunjukkan akhbar-akhbar tempatan menggunakan paling banyak berita yang dibekalkan oleh agensi berita antarabangsa, yang didahului oleh *Reuters*, iaitu 28.5%, diikuti oleh AP (8.3%), UPI (5.6%), dan AFP (4.8%). Kajian ini mendapati daripada 2,501 berita luar negara dikaji, *New Straits Times* paling banyak menggunakan berita luar negara, iaitu 15.4%, diikuti *The Star* (13.6%), dan *Utusan Malaysia* (4%). Kategori berita politik adalah yang paling banyak digunakan iaitu 20% dan diikuti berita sukan (15.7%). Kajian oleh Mohd Safar (1991) pula menunjukkan Perkhidmatan Berita Luar Negeri Bernama dilanggan oleh 21 buah akhbar yang dikaji, *Reuters* oleh 18 akhbar, AP (13 buah), AFP (12 buah), dan UPI (14 buah).

Kajian Mohd Yahya (2004a) menunjukkan *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia* cenderung menggunakan bahan-bahan berita Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2002 yang dipetik daripada agensi media antarabangsa termasuk AGENSI, AFP, *Reuters*, dan AP. Akhbar *New Straits Times* menggunakan bahan berita terbanyak daripada *Reuters*, iaitu sebanyak 38.6%, diikuti AFP (30.8%), AP (6.1%), AGENSI (4.3%), lain-lain (0.9%), dan tidak dinyatakan (19.2%). *Utusan Malaysia* turut memetik berita bersumberkan *Reuters*, iaitu 41.49%, diikuti AFP (31.91%), AP (14.89%), AGENSI (7.87%), tiada dinyatakan (2.98%), dan lain-lain (0.85%). Kajian menunjukkan kedua-dua akhbar cenderung menggunakan bahan berita daripada *Reuters* dan AFP berbanding agensi berita lain.

Dalam kajian lain, Mohd Yahya (2004b) mendapati foto berkaitan Piala Dunia di halaman depan banyak digunakan oleh akhbar *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times* bagi menyokong laporan berita mereka. Walau bagaimanapun, semua foto yang digunakan telah dipetik daripada agensi berita antarabangsa. Di sepanjang kejohanan berlangsung, *Utusan Malaysia* menyiarkan 19 keping foto berbanding 12 oleh *New Straits Times*. Akhbar *Utusan Malaysia* menggunakan 42.1% foto daripada AFP diikuti dengan AP (26.3%), *Reuters* (21.1%), dan AGENSI (10.5%), manakala *NST* banyak menggunakan foto *Reuters* sebanyak 50.0%, diikuti AP (33.33%) dan AFP (16.67%). Kajian juga menunjukkan di sepanjang kejohanan tersebut, akhbar *NST* menggunakan sebanyak 616 keping foto pelbagai aksi berbanding *UM* yang menggunakan sebanyak 464 keping. Semua foto ini telah dipetik dari agensi-agensi berita asing ini. Berdasarkan dua kajian oleh Mohd Yahya (2004a; 2004b) tersebut didapati bahawa masih berlaku pengaliran berita-berita dan foto-foto daripada agensi-agensi berita asing ke media massa negara sedang membangun seperti Malaysia.

Teori *Agenda Setting* (Shaw & McCombs, 1977) atau juga dikenali sebagai Teori Penentuan Agenda berfungsi sebagai keupayaan media massa untuk memilih dan menekankan isu-isu tertentu dan seterusnya menyebabkan isu-isu tersebut dianggap penting oleh pihak khalayak media. Lalu timbul persoalan, adakah penekanan terhadap isu-isu Indonesia dibuat dalam kedua-dua akhbar ini? Adakah akhbar harian Malaysia condong ke arah suatu penulisan yang memberi suatu *moral judgement*? Shaw dan McCombs (1977) berpendapat bahawa teori Penentuan Agenda membawa perubahan positif kerana khalayak bukan sahaja mempelajari tentang isu-isu awam melalui media, tetapi mereka juga mempelajari sejauh mana pentingnya isu itu berdasarkan tumpuan perhatian yang diberi oleh media massa tentang isu tersebut.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan keseluruhan berita yang terkumpul pada bulan Julai bagi kedua-dua surat khabar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* berjumlah 82 artikel. Peratus berita daripada *Utusan Malaysia* adalah sebanyak 68.3%, manakala *Berita Harian* sebanyak 31.7%. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa *Utusan Malaysia* memberi liputan yang lebih terhadap berita Indonesia berbanding *Berita Harian*. Peratus kekerapan berita dari Indonesia yang diberi tumpuan tinggi oleh *Utusan Malaysia* iaitu berada di posisi tengah muka surat akhbar adalah 35.7%

Pada keseluruhannya, berita-berita berkaitan Indonesia dalam *Utusan Malaysia* melibatkan tujuh kategori isu. Isu yang paling hangat diperdebatkan merupakan isu jenayah, iaitu pengeboman di dua buah hotel kepunyaan Amerika Syarikat, Hotel Ritz-Carlton dan Hotel JW Marriott di Jakarta oleh ahli-ahli kumpulan ekstremis. Seperti yang dijangka, berita pilihan raya Indonesia dan isu pembantu rumah Indonesia banyak disiarkan dalam akhbar ini. Namun, isu lain juga telah dipaparkan, antaranya isu ekonomi (pembinaan semula ekonomi Asia Tenggara akibat kegawatan dunia) dan isu kesihatan (pandemik Virus N1H1 pada ketika itu telah empat bulan berada di Asia Tenggara) (Jadual 1 dan Rajah 1).


Jadual 1: Isu-isu berita Indonesia dalam *Utusan Malaysia*

No.	Tajuk	Dunia	Tarikh	Posisi	Halaman	Gambar	Warna
ISU-ISU POLITIK							
1	Presiden Susilo dicap sebagai <i>neoliberal</i>	√	6/7	Tengah	18	√	√
2	Megawati tuntutan senarai baru pengundi	√	7/7	Tengah	18	X	X
3	Susilo dahului lebih 51%	√	9/7	Tengah	19	√	√
4	Jari pengundi di Cirebon dicelup kunyit	√	9/7	Tepi	19	X	X
5	Susilo raih 62% undi	√	10/7	Bawah	19	√	√
6	Susilo juga menang besar di Malaysia	X	11/7	Bawah	30	X	X
7	D a m a i n y a s u a s a n a pilihanraya di Indonesia	X	11/7	Atas	13	√	√
8	Megawati: Berlaku penipuan	√	11/7	Tengah	21	√	√
9	Susilo mungkin terima kembali Golkar	√	13/7	Bawah	15	√	√
10	Susilo digesa lantik lebih ramai profesional	√	14/7	Atas	18	X	X
11	Surya Paloh calon ganti Jusuf Kalla	√	14/7	Bawah	18	√	√
12	Jusuf Kalla bidas Susilo	√	20/7	Tengah	15	X	X
13	M e g a w a t i e n g g a n mengiktiraf keputusan undi	√	22/7	Tepi/ Bawah	17	X	X
14	Susilo disah menang besar	√	25/7	Tengah	17	√	√
15	Megawati cabar keputusan pilihan raya	√	29/7	Tepi	17	√	√
ISU-ISU JENAYAH							
16	2 hotel AS di Jakarta kena bom	X	18/7	Bawah	1	√	√
17	Malaysia kutuk pengeboman	X	18/7	Atas	2	X	X

18	12 rakyat Malaysia selamat	X	18/7	Atas	6	√	√
19	Ghani terselamat batal rancangan bersarapan	X	18/7	Tengah	6	X	X
20	Susilo kecam letupan bom	√	18/7	Tengah	17	√	√
21	Dipercayai angkara Nordin Mat Top?	√	18/7	Tepi	17	√	√
22	Impian Indonesia berkecai	X	20/7	Atas	26	X	X
23	Polis kenalpasti suspek	√	20/7	Atas	15	√	√
24	Disyaki Nordin Aziz atau Nur Hasbi	√	20/7	Tepi/ Bawah	15	√	√
25	Amaran lebih banyak serangan di Indonesia	√	20/7	Tepi/ Atas	15	X	X
26	Perisikan Australia telah beri amaran	√	20/7	Tepi	15	X	X
27	Inikah wajah pengebom?	√	21/7	Atas	17	√	√
28	Polis cuba bina semula wajah suspek	√	21/7	Tengah	17	X	X
29	Tidak wajar kaitkan dengan Islam	√	21/7	Bawah	17	X	X
30	Letupan guna bom jangka	√	25/7	Tepi/ Atas	17	X	X
31	Usaha buru Nordin Mat Top diperhebat	√	25/7	Bawah	17	√	√
32	Serangan bom mungkin berlaku lagi	√	28/7	Bawah/ Tepi	17	X	X
33	Isteri kenal pasti Nordin Mat Top	√	29/7	Tengah	17	√	√
34	Hotel-hotel dibom dibuka semula	√	30/7	Atas	17	√	√
35	Al-Qaeda akui letup 2 hotel	√	30/7	Tengah	17	X	X
36	Nordin dilihat Mataram	√	31/7	Tengah	19	√	√
ISU-ISU SOSIAL							
37	Lawatan redakan isu Ambalat	X	1/7	Atas	13	√	√
38	China Islam Indonesia desak Negara Islam bantu Uighur	√	13/7	Tengah	15	X	X
39	Penunjuk perasaan Indonesia seru Jihad	√	14/7	Tengah	17	X	X
40	ICW: Urusan Haji diseleweng	√	15/7	Tepi/ Bawah	17	X	X
41	2 warga kita dianugerah saintis ASEAN	√	16/7	Tepi	17	X	X
42	Empat ribu murid Pesantren dikuarantin	√	20/7	Tepi	16	X	X
43	Polis siasat Pesantren	√	22/7	Atas/ Tengah	17	√	√
44	2 Pekerja lombong didakwa	√	28/7	Bawah/ Tepi	19	X	X
45	KPU didakwa cabul hak asasi Indonesia	√	30/7	Tepi	17	X	X
ISU-ISU EKONOMI							
46	Susilo janji majukan ekonomi	√	11/7	Bawah	21	X	X

47	Susila Bambang tak layan broker	√	16/7	Tengah	17	X	X
48	Exora meluncur di atas jalan raya Indonesia	X	18/7	Atas	11	√	√
49	DPI bimbang keyakinan pelabur terjejas	√	22/7	Bawah/ Tengah	17	√	√
50	600 Exora ditempah di Indonesia	X	25/7	Tepi	20	√	√
ISU-ISU KESIHATAN							
51	6 Pelajar UTeM dikuarantin	X	1/7	Tengah	7	√	√
52	HIV cepat merebak di Indonesia	√	21/7	Tengah	18	X	X
53	Kanak-kanak, korban pertama H1N1 di Indonesia	√	27/7	Bawah/ Tepi	18	X	X
54	Malaysia bantu masalah jerebu	X	30/7	Bawah/ Tepi	24	√	√
ISU-ISU BENCANA							
55	14 maut, kereta rempuh bas	√	6/7	Bawah	17	√	√
ISU-ISU SUKAN							
56	Katarina terajui ASEAN	√	15/7	Tengah	20	√	√

Rajah 1: Berita Indonesia Mengikut Isu dalam *Utusan Malaysia*



Kajian mendapati kekerapan berita dari Indonesia yang diberi tumpuan tinggi (di posisi tengah muka surat akhbar) oleh *Berita Harian* adalah 34.6%. Secara umum, bagi bulan Julai 2009, kedua-dua akhbar meliputi beberapa isu yang hangat, tetapi *Berita Harian* tidak banyak memberi tumpuan kepada isu-isu yang berlaku di Indonesia sepertimana *Utusan Malaysia*. *Berita Harian* hanya memaparkan 26 berita Indonesia pada bulan Julai 2009 (Jadual 2 dan Rajah 2). Isu-isu hangat seperti politik, jenayah, sosial dan kesihatan diliputi, tetapi akhbar ini tidak memberi apa-apa informasi

dan maklumat tentang keadaan ekonomi Indonesia. Kajian menunjukkan berita politik menjadi tumpuan utama akhbar ini, iaitu 42% khususnya tentang pilihan raya umum Indonesia pada waktu itu.


Jadual 2: Isu-isu Berita Indonesia dalam *Berita Harian*

No.	Tajuk	Dunia	Tarikh	Posisi	Halaman	Gambar	Warna
ISU-ISU POLITIK							
1	Megawati gesa pilihan raya presiden telus	√	1/7	Bawah	36	X	X
2	Susilo layak kelebihan	√	6/7	Tengah	36	√	√
3	Jakarta tunggu langkah EU	√	6/7	Bawah/ Tepi	36	X	X
4	Wang politik cemar kempen	√	7/7	Atas	36	√	√
5	Laluan mudah bagi Susilo	√	8/7	Atas	39	√	√
6	Susilo dahului kiraan undi	√	9/7	Atas	36	√	√
7	Susilo jadi sandaran	X	12/7	Cen. Spread	28-29	√	√
8	Susilo disaman isu tipu undi	√	15/7	Atas	39	√	√
9	Indonesia syor Suu Kyi terbabit proses demokrasi	√	22/7	Tengah	37	√	√
10	Megawati tolak keputusan	√	26/7	Bawah	27	√	√
11	Jusuf Kalla cabar keputusan pemilihan di mahkamah	√	28/7	Tepi	35	X	X
ISU-ISU JENAYAH							
12	Penyerang anggota JI	√	20/7	Tengah	35	√	√
13	Malaysia sedia bantu Indonesia tangani militan	X	20/7	Bawah	2	X	X
14	'Noordin tiada di Malaysia'	X	22/7	Tengah	8	√	√
15	Jemaah Islamiah masih bertaring	√	26/7	Cen. Spread	28-29	√	√
16	Penyerang hotel mahu curi pesawat	√	26/7	Atas	27	X	X
17	Hotel mewah Jakarta buka seperti biasa	√	30/7	Atas	40	√	√
ISU-ISU SOSIAL							
18	Malaysia, Indonesia sepakat reda isu rondaan	X	1/7	Tepi	4	X	X
19	Masalah amah hampir selesai	X	7/7	Atas	3	√	√

20	Potong kos ambil amah Indonesia	X	8/7	Atas	14	X	X
21	Mengekal perdamaian Aceh	X	9/7	Tengah	13	√	√
22	Malaysia setuju 4 isu berkaitan amah Indonesia	X	14/7	Atas	7	√	√
23	Majikan pembantu rumah Indonesia patut dilindungi	X	15/7	Bawah	10	√	√
24	Geledah bangunan tengah malam	√	22/7	Tengah	35	√	√
ISU-ISU KESIHATAN							
25	Indonesia lapor kematian pertama berkaitan H1N1	√	27/7	Tengah	36	√	√
ISU-ISU SUKAN							
26	FAM tetap bawa skuad ke Indonesia : Redzuan	X	20/7	Bawah	41	√	√

Walaupun berita berkaitan Indonesia kurang disiarkan oleh *Berita Harian* berbanding dengan *Utusan Malaysia*, tetapi kajian ini menunjukkan bahawa jenis berita yang disiarkan oleh akhbar ini ialah isu-isu yang dianggap serius. Berita Indonesia dalam akhbar ini tidak digunakan sebagai *filler* sebaliknya dipaparkan sebagai berita yang penting.


Rajah 2: Berita Indonesia Mengikut Isu dalam *Berita Harian*



Kajian juga menunjukkan nisbah kekerapan berita Indonesia dalam *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* bagi setiap minggu mengikut turutan adalah 1:1 bagi minggu pertama, 4:5 bagi minggu kedua, 1:4 bagi minggu ketiga, 1:3 bagi minggu keempat

dan 3:5 bagi minggu kelima. Rajah 3 membuktikan bahawa pada minggu ketiga dan minggu keempat, terdapat perbezaan yang jelas bagi kekerapan berita Indonesia antara *Berita Harian* dengan *Utusan Malaysia*. Memandangkan isu yang paling kerap dilaporkan merupakan isu politik (termasuk isu terorisme), maka boleh diandaikan bahawa *Utusan Malaysia* memberi tumpuan yang lebih terhadap isu politik di Indonesia.

Rajah 3: Perbandingan Berita Indonesia dalam *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*




Berdasarkan Rajah 4, *Berita Harian* meletakkan 62% berita berkaitan Indonesia di ruangan “Dunia”, manakala 38% di bahagian lain. Berita luar negara dari *Berita Harian* dipetik dari AFP, AP dan Agensi (merupakan gabungan berita yang diperolehi sekurang-kurangnya daripada dua buah agensi berita antarabangsa). Walau bagaimanapun, berita Indonesia yang terletak dalam bahagian yang lain biasanya ditulis oleh wartawan *Berita Harian* sendiri. Analisis yang dilakukan juga mendapati *Berita Harian* lebih kerap menggunakan berita tentang Indonesia yang ditulis oleh wartawannya sendiri berbanding dengan *Utusan Malaysia*.


Rajah 5 pula menunjukkan sebanyak 79% berita Indonesia dalam *Utusan Malaysia* terletak di bahagian “Dunia” berbanding berita di bahagian lain (21%). Walaupun *Utusan Malaysia* mendapat berita luar negara daripada lebih banyak agensi berita berbanding dengan *Berita Harian*, iaitu AFP, AP, Reuters, Agensi Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan Agensi serta kurang ditulis oleh wartawan akhbar ini sendiri, jelas menunjukkan bahawa *Utusan Malaysia* lebih banyak memberi tumpuan kepada isu-isu yang berlaku di Indonesia. Keadaan ini berlaku mungkin kerana pembaca *Utusan Malaysia* lebih gemar dan inginkan berita dari

Indonesia dan juga disebabkan “terdapat golongan besar rakyat Indonesia yang menetap di Malaysia, kekerapan berita Indonesia merupakan satu teknik pemasaran bagi melariskan lagi *ratings* akhbar *Utusan Malaysia*” (Norila Daud, 2009).

Rajah 4: Peletakan berita Indonesia dalam Ruangan “Dunia” dan “Lain-lain” dalam *Berita Harian*



Rajah 5: Peletakan Berita Indonesia dalam ruangan “Dunia” dan “Lain-lain” dalam *Utusan Malaysia*




Berdasarkan analisis, penentuan agenda dapat dilihat berlaku dalam pemilihan berita Indonesia yang disiarkan dalam kedua-dua akhbar ini bagi mengetengahkan isu-isu yang dianggap boleh memberi impak kepada Malaysia. Kedua-dua akhbar ini memberi liputan meluas terhadap isu pilihan raya Indonesia dan isu penderaan pembantu rumah Indonesia didera ketika ia hangat diperkatakan. Penentuan agenda seperti ini memberi gambaran kepada pembaca betapa penting isu-isu ini kerana sering diberi liputan oleh media massa. Majoriti berita Indonesia seperti ini ditempatkan pada bahagian atas atau tengah halaman kedua-dua akhbar ini. Dalam tempoh kajian, *Berita Harian* telah memberi tumpuan terhadap berita ini dalam *centre spread* yang khas.

Namun, walaupun kedua-dua akhbar menyiarkan berita Indonesia hampir setiap hari, bukan semua berita yang disiarkan itu diberi kepentingan yang tinggi. Bagi akhbar *Utusan Malaysia* sebanyak 46.43% daripada berita Indonesia ditempatkan di bahagian bawah atau tepi halaman, manakala dalam *Berita Harian*, sebanyak 42.31% daripada berita Indonesia disiarkan di bahagian bawah atau tepi sesuatu halaman (lihat Rajah 6). Isu-isu yang berada dalam letakan tersebut biasanya merupakan berita *filler* yang bertujuan mengisi sesuatu muka surat tertentu dan ditulis sebagai berita yang singkat sahaja. Ini dapat mempraktikkan bahawa apa-

apa yang dianggap penting oleh media akan dianggap penting oleh audiens, dan apa-apa yang dianggap tidak penting oleh media akan dianggap tidak penting juga oleh audiens.

Rajah 6: Jumlah Berita Penting dan Kurang Penting dalam *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*



Rajah 7: Jumlah Berita Berfoto dan Tidak Berfoto dalam *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*




Foto boleh menghasilkan pelbagai tafsiran oleh pembaca. Foto juga merupakan bahagian yang penting dalam akhbar moden. Menurut Harris, Leiter dan Johnson

(1989), foto dapat “menggantikan” banyak perkataan dan berita. Foto menjelaskan sesuatu situasi dengan tepat, jelas dan mudah dan memberikan corak yang lebih menarik kepada akhbar di samping mudah dibaca. Tidak dapat dinafikan bahawa foto merupakan unsur yang penting dalam reka bentuk surat khabar. Penggunaan foto amat penting dalam sesuatu laporan berita kerana selain mengukuhkan sesebuah laporan berita itu, penggunaan foto juga mampu menonjolkan aksi-aksi hebat yang mampu menarik minat pembaca.

Berdasarkan faktor-faktor ini, Rajah 7 menunjukkan peratusan besar dalam penggunaan foto berwarna oleh kedua-dua akhbar ini bertujuan mengukuhkan kedudukan berita Indonesia dengan menyertakan foto berwarna sahaja. Tiada sebarang foto hitam putih dijumpai sepanjang kajian ini. *Utusan Malaysia* menerbitkan 53.57% berita Indonesia yang mempunyai foto yang berwarna, manakala 73.08% berita Indonesia yang dipaparkan oleh *Berita Harian* menggunakan gambar berwarna. Berita dengan foto berwarna juga merupakan berita yang ditempatkan di atas atau tengah-tengah muka surat kedua-dua akhbar ini.

PERBINCANGAN DAN HASIL WAWANCARA

Berdasarkan dua wawancara yang dijalankan bersama En Azizi Othman, Timbalan Pengarang Eksekutif, Bahagian Rencana di *Berita Harian* dan Puan Norila Daud, wartawan senior *Utusan Malaysia*, yang juga Presiden Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJM), para pengkaji dapat merumuskan bahawa faktor utama populariti berita Indonesia dalam akhbar Malaysia adalah disebabkan oleh persamaan antara kedua-dua buah negara yang didapati dari segi aspek geopolitik, sosial dan budaya. “Dalam erti kata lain Indonesia merupakan negara jiran yang terdekat dengan Malaysia, secara geografi, budaya, masyarakat dan bahasa. Sebagai sebuah negara ASEAN dan lebih-lebih lagi mengambil kira sifat sejajar Indonesia dan Malaysia, ia sesuatu yang logik jika pembaca Malaysia ingin tahu tentang perkembangan atau berita terbaru di Indonesia” (Norila Daud, 2009).

Menurut beliau, setiap persamaan antara kedua-dua negara ini menyumbang kepada pendapat atau persepsi bahawa apa yang berlaku di Indonesia, contohnya dari segi bencana alam atau secara sosiopolitik boleh menjejaskan atau memberi impak atau kesan kepada rakyat Malaysia. Berita Indonesia yang dipilih untuk disiarkan di dalam akhbar Malaysia juga diambil mengikut aspek *currentness* berita tersebut dan juga isu-isu yang berkaitan dengan Indonesia dan Malaysia, contohnya, seperti isu pembantu rumah Indonesia.

Selain itu, kekerapan dan kepentingan berita Indonesia di dalam akhbar Malaysia juga disiarkan bagi manfaat rakyat Indonesia yang menetap di Malaysia (Azizi Othman 2009). Jutaan rakyat Indonesia berhijrah ke Malaysia untuk mencari kerja atau mengurus niaga. Disebabkan oleh jumlah signifikan rakyat Indonesia di Malaysia, akhbar-akhbar tempatan seperti *Utusan Malaysia* menggunakan kekerapan berita Indonesia sebagai suatu taktik pemasaran bagi melariskan penjualan akhbar ini (Norila Daud 2009).

Mengikut kajian yang dilakukan, berita Indonesia yang disiarkan di dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*, kebiasaannya diambil atau dipetik dari agensi-agensi berita antarabangsa. Oleh sebab berita yang dipaparkan diterjemahkan terus daripada agensi-agensi tersebut, kandungan berita tidak bersifat cenderung

terhadap mana-mana pihak. Namun, kedua-dua wakil akhbar ini mempunyai pandangan yang berbeza tentang isu penentuan agenda yang mungkin boleh berlaku dalam pemilihan berita.

Menurut wakil *Berita Harian*, pembaca *Berita Harian* tidak semestinya lebih cenderung kepada berita Indonesia kecuali isu itu menyentuh isu *human interest* atau bencana alam. Ini mungkin akibat kedudukan geografi antara Malaysia dan Indonesia yang agak dekat. "Saya tidak setuju bahawa Malaysia meliputi berita Indonesia secara negatif atau mempunyai apa-apa agenda di sebalik pemilihan tersebut" (Azizi Othman, 2009). Wakil *Utusan Malaysia* pula mempunyai pendapat yang sedikit berbeza. Kadang kala wartawan sendiri yang ditempatkan di Indonesia akan menulis artikel yang boleh mengandungi perspektif mereka sendiri dan di sini mungkin berlakunya berat sebelah dan kadang kala sifat patriotisme boleh memainkan peranan dalam mewujudkan bias (Norila Daud, 2009)

Kajian mendapati di dalam kedua-dua akhbar, isu yang paling kerap dipaparkan adalah isu politik diikuti oleh isu jenayah. Walaupun hasil penemuan ini mungkin didapati secara kebetulan disebabkan kes pengeboman hotel di Jakarta dan juga pilihan raya di Indonesia yang berlaku pada bulan Julai, kita juga boleh mengandaikan bahawa berlakunya penetapan agenda dalam situasi ini yang membantu menggambarkan keadaan yang tidak stabil di Indonesia.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, berita Indonesia akan sentiasa sering dipaparkan di dalam akhbar Malaysia disebabkan oleh keadaan geopolitik dan sosiopolitik yang hampir seiras dengan Malaysia. Selain itu, dengan penambahan rakyat Indonesia yang bermigrasi ke Malaysia setiap tahun, berita Indonesia juga akan lebih kerap dipaparkan bagi mengikut permintaan pembaca.

RUJUKAN

- Cho, H & S. Lacy. 1999. International news coverage in local Japanese newspapers. *WJMCR 22 Mac*. (lihat www.scripps.ohiou.edu/wjmcr/-vol02/2a.HTM).
- Hariss, J., K. Leiter & S. Johnson. 1989. *Panduan Lengkap Pemberita* (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lester, P. M. & R. E. Miller. 1996. African American pictorial coverage in four U.S. newspapers, 1995. Presentation at the AEJMC Conference in Anaheim, California, Ogos.
- Mencher, M. 2000. *News Reporting and Writing*. 8th Ed. Boston: McGraw Hill.
- Mohd Safar Hasim. 1991. *Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin. 2004a. Penggunaan berita sukan luar negara daripada agensi berita antarabangsa oleh *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*. Dlm. *Penyertaan dalam Komunikasi: Hak, Bentuk dan Dasar*, ed. Mus Chariril Samani, Badrul Redzuan Abu Hassan & Mat Pauzi Abd Rahman. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Yahya Mohamed Ariffin. 2004b. Penggunaan berita dan foto daripada agensi berita antarabangsa di *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* Jilid 6 No. 1.
- Parrish, R. S. 2002. *Photojournalism: An Introduction*. Belmont: Wadsworth/Thomson Learning.
- Rich, C. 1993. *Writing and Reporting News*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company.
- Riffe, D. & E. Shaw, 1982. Conflict and consonance: coverage of third world in two U.S. papers. *Journalism Quarterly* 59 (Winter): 617-626.
- Shaw, D. & McCombs, M. 1977. *The Emergence of American Political Issues: The Agenda-Setting Function of the Press*. US: West Pub. Co.
- Shukor Khalil. 2000. Liputan agensi berita antarabangsa tentang dunia Islam yang disiarkan dalam akhbar Indonesia. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 16.
- Stevenson, R. L. & R. Cole. 1984. Patterns of foreign news. Dlm. *Foreign News and the New World Information Order*, ed. R. L. Stevenson & D. Shaw. Iowa: The Iowa State University Press.
- Merrill, J. C. 1997. *Kewartawanan Sejagat* (terj. Perniagaan Yamin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akhbar:

Berita Harian, 1, 6-9, 12, 14-15, 20, 22, 26-28, 30 Julai 2009

Utusan Malaysia, 1, 6-7, , 9-11, 13-16, 18, 20-22, 25, 27-31 Julai 2009